



**INGIN MENJADI WARTAWAN:** Encik Danial merupakan salah satu daripada 12 penerima Biasiswa Kewartawanan SPH Media yang dianugerahkan kepada pelajar di tahap universiti semalam. – Foto BH oleh NATASHA MUSTAFA

## Minat bahasa Melayu dari kecil, pelajar NUS antara 12 penerima biasiswa kewartawanan

► NATASHA MUSTAFA  
nmustafa@sph.com.sg

SEDANG ramai anak muda seusianya mungkin tidak berminat dalam bahasa Melayu, Encik Muhammad Danial Afiq Faharick sering mencari peluang untuk membantu dirinya mengukuhkan penguasaan bahasa ibundanya.

Di sekolah, Encik Danial sering bercakap dalam bahasa Inggeris bersama rakan-rakannya.

Namun di rumah, beliau yang kini berusia 20 tahun, seronok menggunakan bahasa Melayu – bahasa yang didedahkan oleh datuk dan neneknya yang tinggal bersama sejak kecil lagi.

“Apabila saya bercakap dalam bahasa Melayu bersama rakan-rakan saya, mereka sering akan menjawab dalam bahasa Inggeris.

“Lalu, saya pun terikut gunakan bahasa Inggeris. Tetapi apabila saya pulang ke rumah dan berbicara bersama neneh dan atuk saya, mereka sering menegur saya untuk menggunakan bahasa ibunda,” katanya.

Minat untuk mempelajari bahasa dan budaya Melayu ini berterusan di tahap sekolah menengah dan juga maktab rendah apabila beliau mengambil subjek Bahasa Melayu Lanjutan dan sastera sebagai sebahagian daripada Elektif Bahasa Melayu di sekolah masing-masing.

Dedikasinya membolehkan beliau meraih Biasiswa Elektif Bahasa Melayu (MLES) dan juga Hadiah Buku Perdana Menteri kerana berkesan dwibahasa di maktab rendah dan peperiksaan kebangsaan.

Terus berkecimpung dalam bahasa dan budaya, beliau baru-baru ini telah menerima biasiswa.

Encik Danial merupakan salah satu daripada 12 penerima Biasiswa Kewartawanan SPH Media yang dianugerahkan kepada pelajar di tahap universiti.

Mereka yang menerima biasiswa ini akan berpeluang bekerja dalam bilik berita di SPH Media dan belajar dari pada wartawan dan editor yang berpengalaman.

Menjalani latihan amali bersama *Berita Harian* April tahun ini, Encik Danial berkata ia hanya telah membakar semangatnya untuk terus berkecimpung dalam bidang ini.

Mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS) itu

“Sebagai wartawan, kami didedahkan kepada pelbagai isu yang penting dalam masyarakat.

Peranan kami adalah untuk mengetengahkan isu tersebut kepada khalayak ramai dan juga mendidik mereka tentang perkembangan terkini.

Dengan sokongan wartawan lain dalam bilik berita sepanjang latihan amali saya, ia telah memberi saya semangat untuk membuat perbezaan dalam masyarakat melalui artikel yang saya menghasilkan nanti.”

– Encik Muhammad Danial Afiq Faharick,  
penerima Biasiswa Kewartawanan SPH Media.

berkata beliau pada awalnya khuatir sekiranya tidak dapat menyesuaikan diri.

Namun, dengan sokongan wartawan yang lain, Encik Danial berkata pengalamannya di bilik berita itu amat mengujakan.

“Sebagai wartawan, kami didedahkan kepada pelbagai isu yang penting dalam masyarakat.

“Peranan kami adalah untuk mengetengahkan isu tersebut kepada khalayak ramai dan juga mendidik mereka tentang perkembangan terkini.

“Dengan sokongan wartawan lain dalam bilik berita sepanjang latihan amali saya, ia telah memberi saya semangat untuk membuat perbezaan dalam masyarakat melalui artikel yang saya menghasilkan nanti,” kata beliau yang merupakan pelajar tahun pertama di Sekolah Kemanusiaan dan Sains di NUS.

# Tingkat bajet biasiswa, SPH Media usaha hasilkan wartawan berkualiti

► RABIATUL ADAWIYA BINAHAN

rbinhan@sph.com.sg

SPH Media akan meneruskan usaha untuk mendapatkan bakat-bakat yang mengambil berat tentang masa depan kewartawanan di Singapura, berkeinginan untuk berusaha menyelesaikan masalah yang mencabar dan berkeinginan meneroka cara baru dalam penceritaan melalui digital.

Itulah yang ditekankan oleh Pengerusi SPH Media Trust, Encik Khaw Boon Wan, dalam ucapannya di Majlis Anugerah Biasiswa Bersama SPH Media dan Yayasan SPH petang semalam.

Menurut Encik Khaw, SPH Media telah melancarkan semula bbiasiswa tahun ini dengan bajet yang lebih tinggi dan telah mendapat sambutan baik yang boleh kelihatan dari peningkatan dalam bilangan pemohon dan calon bagi biasiswa-biasiswa itu.

Beliau juga menyatakan bahawa bajet yang lebih tinggi itu bertujuan untuk mendapatkan dan mengelakkan bakat dan juga menyampaikan mesej kepada orang ramai bahawa SPH Media serius dalam meneruskan misi mereka.

“Kami sedang mengusahakan untuk menghasilkan kewartawanan yang berkualiti dan tanpa bakat yang mempunyai nilai yang tinggi, kewartawanan yang baik tidak boleh didapati dan warga Singapura tidak akan mendapatkan kandungan yang berbaloi dengan apa yang mereka bayar.

“Oleh itu, ia bergantung kepada keupayaan kami untuk merekrut dan mengekalkan bakat untuk menyertai SPH Media dalam misi kami ini,” ujar beliau.

Sekitar 126 pemohon telah diterima, tiga kali ganda dari 2021 di mana hanya 44 pemohon diterima bagi Biasiswa SPH Media.

Melalui proses pemilihan yang ketat, termasuk ujian bertulis, temu duga, latihan amali, dan penilaian pasca latihan, 12 daripada mereka telah dianugerahkan Biasiswa Kewartawanan SPH Media semalam.



“Kami sedang mengusahakan untuk menghasilkan kewartawanan yang berkualiti dan tanpa bakat yang mempunyai nilai yang tinggi, kewartawanan yang baik tidak boleh didapati dan warga

Singapura tidak akan mendapatkan kandungan yang berbaloi dengan apa yang mereka bayar.

Oleh itu, ia bergantung kepada keupayaan kami untuk merekrut dan mengekalkan bakat untuk menyertai SPH Media dalam misi kami ini.”

– Pengerusi SPH Media Trust, Encik Khaw Boon Wan.

Encik Khaw juga menyatakan bahawa Ketua Editor Kumpulan Media Cina (CMG), SPH Media Trust, Cik Lee Huay Leng, turut berasa gembira kerana terdapat calon-calon tempatan yang berkualiti dan telah menamatkan latihan amali mereka di bilik berita dengan penilaian yang sangat baik oleh penyelia mereka.

Selain melancarkan semula program biasiswa itu, Encik Khaw juga berkongsi mengenai Akademi SPH Media yang telah ditubuhkan tahun ini untuk melatih wartawan SPH Media dan membantu mereka mengasah kemahiran digital mereka.

Akademi itu juga telah menandatangani perjanjian dengan Institut Kewartawanan Reuters di Universiti Oxford, dan buat kali pertama, Editor Bersekutu Kandungan Digital akhbar Cina *Lianhe Zaobao*, Encik Ng Soon Kiat, dan Koresponden Kanan Politik, akhbar *The Straits Times*, Encik Tham Yuen-C, akan berpeluang untuk menyertai fellowship itu.

“Melalui pengalaman dengan ra-

kan sebaya dan pemimpin di bilik berita, peluang persahabatan sedemikian membolehkan wartawan kami memperoleh perspektif baru yang akan memberi manfaat kepada bilik berita kami,” ujar beliau.

Sebanyak tiga biasiswa berbeza telah dianugerahkan semalam di Majlis Anugerah Biasiswa Bersama SPH Media dan Yayasan SPH iaitu Biasiswa Kewartawanan SPH Media, Biasiswa SPH Media untuk Kanak-Kanak Pekerja yang Berkhidmat, dan Biasiswa Yayasan SPH Lim Kim San Memorial.

Yayasan SPH telah menaja Biasiswa Memorial Lim Kim San kepada 12 pelajar untuk membantu mereka mengikuti impian dan cita-cita mereka.

Para pelajar yang menerima biasiswa itu menunjukkan kecermerlangan dari segi akademik, berdaya taham dan menunjukkan kemahiran dalam mengatasi kesusahan walau-pun mereka menghadapi keadaan yang mencabar dalam kehidupan peribadi mereka.